

**GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN  
ANUGERAH SENI DAN KREATIVITI 2022  
BAGI MAJLIS CITRA KARISMA 2023**

**1.0 Nama Anugerah**

Anugerah Seni dan Kreativiti

**2.0 Latar Belakang Anugerah**

Anugerah Seni dan Kreativiti telah diperkenalkan sejak tahun 2013. Anugerah ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada staf akademik dan staf Pengurusan, Profesional dan Pelaksana (PPP) yang berbakat dalam bidang :

- a) Seni persembahan
- b) Seni Bina
- c) Seni Visual
- d) Seni Skrin
- e) Seni Kraf
- f) Penulisan Kreatif

**3.0 Perincian Bidang**

<b>Kelompok Seni &amp; Kreativiti</b>	<b>Contoh Bidang</b>
a) Seni Persembahan (Moden, Tradisional dan Inovasi Kontemporari)	<p><b><u>Teater Moden dan Tradisional :</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah</li><li>• Pelakon</li><li>• Sinografi (Tari dan drama) – Pencahayaan, latar hias, reka pentas, busana, kesan bunyi, dan solekan</li><li>• Pembentukan teori dan kokurikulum</li></ul> <p><b><u>Tari :</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pereka tari (koreografer)</li><li>• Penari (mode, klasikal dan tradisional)</li><li>• Pembentukan teori dan kokurikulum</li></ul> <p><b><u>Muzik :</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Komposisi lagu / komposisi lirik</li><li>• Gubahan skor / penataan muzik (filem, tari, teater &amp; iklan)</li><li>• Kepemimpinan orchestra /koral</li></ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembentukan teori dan kurikulum baru</li> <li>• Perkaa dan pembuat alat</li> <li>• Persembahan artis “virtuoso”</li> <li>• Penyanyi moden, klasikal dan tradisional</li> </ul> <p><b><u>Tema muzik yang berkenaan :</u></b></p> <p><b><u>Komposisi lagu :</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Muzik Popular</li> <li>• Muzik Filem – muzik tema, muzik latar, lagu nyanyian</li> <li>• Muzik Eksperimental</li> <li>• Muzik Seni (art music)</li> <li>• Muzik Tradisional</li> <li>• Muzik Tarian</li> <li>• Muzik Iklan</li> <li>• Muzik Animasi</li> </ul> <p><b><u>Gubahan Skor :</u></b>          Termasuk semua kategori komposisi dalam pelbagai ensembel dan media</p> <p><b><u>Kepemimpinan Orkestra / Koral (Konduktor) :</u></b>          Pementasan tahap nasional dan antarabangsa</p> <p><b><u>Pereka dan Pembuat Alat :</u></b>          Hasil seni tradisional dan moden</p> <p><b><u>Pembentukan Teori dan Kurikulum Baru :</u></b>          Semua peringkat pengajian</p> <p><b><u>Persembahan Artis ‘Virtuoso’ :</u></b>          Kemahiran profesional di peringkat kebangsaan dan antarabangsa</p>
b) Seni Bina (Landskap/Seni Reka Dalaman)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Reka Bentuk Seni Bina</li> <li>• Komunikasi Visual</li> <li>• Budaya (Pemuliharaan, Sejarah dan Kesenian Seni Bina)</li> <li>• Teknologi Bangunan (Ergonomik, Reka Bentuk Persekitaran, Teknologi Hijau)</li> </ul>

c) Seni Visual (Moden, Tradisional dan Inovasi Kontemporari)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Arca</li> <li>• Instalasi (gabungan arca, video, lukisan, bunyi dan/atau montaj)</li> <li>• Animasi</li> <li>• Grafik</li> <li>• Media Baru (multimedia konvensional dan digital)</li> <li>• Catan</li> <li>• Reka Bentuk Produk</li> <li>• Seni Cetak</li> <li>• Fotografi</li> <li>• Pembentukan teori dan kurikulum</li> </ul>
d) Seni Skrin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lakon layar</li> <li>• Lakonan</li> <li>• Pengarahan</li> <li>• Penataan Seni</li> <li>• Animasi</li> <li>• Sinematografi</li> <li>• Suntingan</li> <li>• Penataan Bunyi</li> <li>• Pembentukan teori dan kurikulum</li> <li>• *Master of Ceremony / Pengacara Majlis (<b>Bagi Kategori Staf PPP Sahaja</b>)</li> </ul>
e) Seni Kraf / Design	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ukiran</li> <li>• Tekstil</li> <li>• Logam</li> <li>• Anyaman</li> <li>• Tenunan</li> <li>• Tekad</li> <li>• Batik</li> <li>• Sulaman</li> <li>• Seramik</li> <li>• <i>Jewelry</i></li> <li>• Pembentukan teori &amp; kurikulum</li> </ul>
f) Penulisan Kreatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Novel</li> <li>• Puisi</li> <li>• Cerpen</li> <li>• Skrip (drama, TV, filem, iklan)</li> <li>• Pembentukan teori dan kurikulum</li> </ul>

#### **4.0 Kategori Anugerah**

Bagi Pencalonan Individu/Kumpulan :-

1. Staf Akademik
  - i. Kategori *Premium* (berdasarkan calon yang dapat melepasi titik ambang yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Anugerah) **ATAU**
  - ii. Kategori *Standard* (berdasarkan calon yang dapat melepasi titik ambang yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Anugerah)
2. Staf Pengurusan, Profesional dan Pelaksana (PPP)

#### **5.0 Kriteria/Syarat-syarat Permohonan**

##### **Asas**

- a) Anugerah ini terbuka kepada semua staf UTM yang berstatus tetap/sementara/kontrak (lantikan universiti)
- b) Staf telah berkhidmat sekurang-kurangnya 1 tahun lantikan sebelum 1 Januari 2023.
- c) Pemenang anugerah yang lepas hanya boleh memohon/dicalonkan semula selepas 3 tahun.
- d) Bahan-bahan atau dokumen yang dikemukakan oleh calon hendaklah 3-5 tahun terkini dari tahun semasa (Januari 2018 – Disember 2022)

##### **Kriteria Tambahan**

- a) Aktiviti yang dinyatakan hendaklah dapat memberi impak kepada universiti.
- b) Projek mestilah asli daripada hasil kerja pemohon secara individu atau berkumpulan.
- c) Sekiranya projek itu adalah projek bersama atau berkumpulan, senarai nama semua ahli kumpulan yang terlibat hendaklah disenaraikan di dalam borang pencalonan.
- d) Pemohon hendaklah jujur dan tulus dalam mengemukakan maklumat permohonan. (*perlu tandatangan Aku Janji pada borang*)
- e) Mana-mana pemohon yang didapati memberikan maklumat palsu, permohonan akan ditolak serta merta dan sekiranya telah diumumkan sebagai pemenang, Anugerah akan ditarik semula.

## 6.0 Kaedah Penilaian dan Pemarkahan

Penilaian dibuat oleh Panel Penilai yang dilantik oleh Pengerusi, JK Anugerah Seni dan Kreativiti dengan persetujuan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

### 6.1 Kaedah penilaian :

- i. Urusetia menilai permohonan yang diterima dan membuat penilaian kesahihan maklumat mengikut kategori bidang.
- ii. Penilaian dilakukan oleh Ahli Panel seperti berikut :-
  - Penilaian dokumen ATAU ;
  - Penilaian secara temubual bersama calon ATAU ;
  - Kedua-duanya sekali.
- iii. Bagi pencalonan Staf Akademik, pemilihan pemenang untuk Kategori *Premium ATAU Standard* adalah berdasarkan calon yang dapat melepasi titik ambang yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Anugerah.
- iv. Membuat keputusan pemenang anugerah untuk diperakukan oleh Jawatankuasa Induk Majlis Citra Karisma UTM.

## 7.0 Kos Hadiah

Anugerah	Kategori	Hadiah
Anugerah Seni dan Kreativiti 2022	1. Staf Akademik	i. Kategori <i>Premium</i> – Wang tunai RM3,000 berserta sijil <b>ATAU</b>
		ii. Kategori <i>Standard</i> – Wang tunai RM1,000 berserta sijil
		iii. Sijil Penghargaan (Emas, Perak, Gangsa)
	2. Staf Pengurusan, Profesional dan Pelaksana (PPP)	i. Wang tunai RM1,000 berserta sijil
		ii. Sijil Penghargaan (Emas, Perak, Gangsa)